

27 MAY 2001

Sukan-Hoki (Remaja)

MPMBB BENAM MPPJ 6-0 UNTUK MUNCUL JUARA

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) menjuarai Liga Hoki Remaja apabila menewaskan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) 6-0 pada perlawanan akhir di Stadium Hoki Nasional di Bukit Jalil, di sini, hari ini.

Dengan kemenangan itu, MPMBB membawa pulang hadiah RM25,000 sebagai juara keseluruhan manakala MPPJ memenangi RM15,000.

Kedua-dua pasukan memulakan permainan dengan penuh keyakinan tetapi apabila perlawanan semakin hebat, MPMBB mula mengusai padang dan membuat jaringan pertama pada minit ke-23 menerusi pukulan sudut oleh S.Murugesan.

Jaringan kekal 1-0 pada separuh masa walaupun kedua-dua pasukan bermain dengan agresif.

Pada separuh masa kedua, MPMBB meningkatkan lagi sengat mereka dengan membuat banyak serangan dari semua sudut.

Mohd Redzuan Mohd Nasir menggandakan jaringan pasukannya pada minit ke-39 apabila dapat memintas para pemain pertahanan MPPJ untuk menjaringkan bola melepasi penjaga gol MPPJ Mohd Mahathir Thayin.

Kegembiraan para penyokong MPMBB terus memuncak dengan jaringan ketiga pada minit ke-41 menerusi Murugesan yang mendapat hantaran kiri.

Pada ketika ini, MPPJ kelihatan kurang bermaya setelah ketinggalan jauh dan keadaan itu membolehkan MPMBB menambah jaringan keempatnya menerusi Nor Ikhran Sulaiman pada minit ke-58.

MPMBB juga diberikan pukulan penalti pada minit ke-62 dan ia mudah dilakukan oleh Wan Muhammad Asyrizal yang menambahkan jaringan pasukannya kepada lima.

Mohd Hoesni Rahmat menjaringkan gol keenam bagi MPMBB beberapa minit kemudian.

Ketua pasukan MPMBB Abdul Shukor Adam dipilih sebagai pemain terbaik kejohana itu manakala rakan sepasukan Mohd Redzuan Mohd Nasir sebagai pemain terbaik perlawanan akhir.

Jurulatih MPMBB V.Sarsidharan berkata dua gol awal pada separuh masa kedua membolehkan pasukannya bebas dari cengkaman sebarang tekanan dan menamatkan usaha MPPJ.

"Selepas memperolehi gol pertama pada separuh masa, saya rasa para pemain MPPJ menjangkakan bahawa kami akan mempertahankan kedudukan sebaliknya kami terus membuat serangan yang nampaknya mengejutkan mereka.

"Pemain kami bermain amat baik hari ini dan mereka wajar dinobatkan sebagai juara keseluruhan," katanya.

Jurulatih MPPJ Roslan Salikon pula berkata ini adalah permainan paling buruk pasukannya setakat ini dan MPMBB mempamerkan permainan terbaik mereka.

"MPMBB wajar menang tetapi saya amat kecewa dengan margin gol yang besar ini. Kami benar-benar ketandusan tanpa Hashim Rahmat dan Mohamed Rohizan yang digantung permainan," katanya.

Terdahulu, dalam perlawanan bagi menentukan tempat ketiga dan keempat, Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dengan mudah mengalahkan Anderson 3-0 untuk menduduki tempat ketiga dan memenangi RM10,000. Anderson pula di tempat keempat dengan menerima RM5,000.

SSBJ mendahului 1-0 pada separuh masa menerusi hantaran Tengku Ahmad Tajudin Tengku Abdul Jalil pada minit ke-17.

Mohd Redza Maadun menjaringkan gol kedua pada minit ke-51 dan gol ketiga pasukannya pada minit ke-67.

-- BERNAMA
AZ AZ NAK